



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**16hb Mac 2017**

**No. 6**

---

---

**No. 19.**

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

DELEGATION OF POWERS ACT 1956

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 9

DELEGATION OF POWER UNDER SECTION 9

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956 (*Akta 358*), Menteri Besar Perlis dengan kelulusan D.Y.M.M. Raja Perlis mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 (*Akta 61*) kepada pegawai-pegawai berikut untuk melupuskan aset yang rosak, usang, tidak ekonomi untuk dibaiki, tidak boleh diservis atau tidak diperlukan lagi kepunyaan Kerajaan Negeri Perlis dan menghapus kira nilai aset yang hilang kepunyaan Kerajaan Negeri Perlis tertakluk kepada had dan nilai seperti yang berikut:

(a) Melupuskan Aset Kerajaan Negeri Perlis

(i) Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan; dan

## (ii) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

## (b) Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan Negeri Perlis

## (i) Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam; dan

## (ii) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset kecuali kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

2. Perwakilan kuasa ini meliputi semua jenis aset milik Kerajaan Negeri Perlis kecuali Aset Tak Alih.

3. Semua pelupusan dan hapus kira yang dijalankan oleh pegawai itu hendaklah mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan—Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Perlis dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis dari semasa ke semasa.

4. Perwakilan kuasa ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 9 of the Delegation of Powers Act 1956 (*Act 358*), the Menteri Besar of Perlis with the approval of His Royal Highness The Raja of Perlis, delegates his power under section 17 of the Financial Procedure Act 1957 (*Act 61*) to the following officers to dispose the damaged, obsolete, beyond economic repair, unserviceable or unwanted assets belonging to the State Government of Perlis and to write-off the value of the lost assets belonging to the State Government of Perlis subject to the limits and values as follows:

(a) Disposal of the Asset of the State Government of Perlis

(i) The State Financial Officer

The original procurement value of the asset does not exceed One Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM100,000.00) for each item and does not exceed Five Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM500,000.00) for the aggregate value for all disposal methods; and

(ii) Deputy State Financial Officer

The original procurement value of the asset does not exceed Fifty Thousand Ringgit Malaysia (RM50,000.00) for each item and does not exceed One Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM100,000.00) For the aggregate value for all disposal methods.

(b) Write-Off of Lost Assets of the State Government of Perlis

(i) The State Financial Officer

The original procurement value of the asset does not exceed One Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM100,000.00) for each item and does not exceed Five Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM500,000.00) for the aggregate value for all types of asset including loss by theft, fraud or negligence of a public officer; and

(ii) Deputy State Financial Officer

The original procurement value of the asset does not exceed Fifty Thousand Ringgit Malaysia (RM50,000.00) for each item and does not exceed One Hundred Thousand Ringgit Malaysia (RM100,000.00) for the aggregate value for all types of asset excluding loss by theft, fraud or negligence of a public officer.

2. This delegation of power includes all assets belonging to the State Government of Perlis except immovable assets.

3. All disposal and write-off conducted by the officer shall be in accordance with the procedures as stated in the Treasury Circular in relation to Government Moveable Assets Management Procedure currently in force and shall be subjected to any other instructions which may be issued from time to time by the Ministry of Finance Malaysia, State Government of Perlis and the State Treasury Office of Perlis.

4. This delegation of power shall take effect on the date of its publication in the *Gazette*.

Bertarikh 1 Mac 2017

Dated 1 March 2017

[Perb.Ps.(S) 108(Sk.4); PUNPs. 04/37]

DATO' SERI AZLAN BIN MAN

*Menteri Besar*

*Perlis/*

*Chief Minister of*

*Perlis*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

### No. 20.

#### PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

#### APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini melantik Encik Mohd Khairul Amry bin Yahaya sebagai Penolong Pentadbir Tanah dan Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri Perlis mulai 2 Januari 2017 bagi maksud Kanun tersebut.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby appoints Encik Mohd Khairul Amry bin Yahaya as Assistant Land Administrator and Deputy Registrar of Titles of Perlis with effect from 2 January 2017 for the purpose of the said Code.

#### Pembatalan Pelantikan

Pelantikan Encik Anuar bin Abidin sebagai Penolong Pentadbir Tanah dan Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri Perlis adalah dibatalkan mulai 2 Januari 2017.

#### Revocation of Appointment

The appointment of Encik Anuar bin Abidin as Assistant Land Administrator and Deputy Registrar of Titles of Perlis is hereby revoked with effect from 2 January 2017.

Bertarikh 2 Mac 2017

Dated 2 March 2017

[PTG.Ps. 100-1/10; PUN.Ps. 0023 Jld. 7]

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri*

*Perlis/*

*Secretary of State Legislative Assembly*

*Perlis*

**No. 21.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
PERIZABAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AWAM

DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kuil Arulmigu Arumugaswamy Dhevasthanam dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut dan bahawa tanah rizab tersebut hendaklah diselenggara oleh Pengerusi Kuil Arulmigu Arumugaswamy Dhevasthanam.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby reserves the land described in the Schedule hereto for a public purpose, to wit, a site for Arulmigu Arumugaswamy Dhevasthanam Temple and designated that the State Secretary of Perlis shall have control of the said reserved land and that the said reserved land shall be maintained by the Chairman of the Arulmigu Arumugaswamy Dhevasthanam Temple.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Utang Aji. Daerah/*District*—Perlis. No. P.T./*P.T. No.*—1456.  
Keluasan/*Area*—1,810 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 23 Februari 2017

Dated 23 February 2017

[PTG.Ps. 88/67; PUN.Ps. 0023 Jld. 6]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis/  
Secretary of State Legislative Assembly  
Perlis*

**No. 22.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abd Majid bin Abd Razak yang beralamat di 49 Lorong Inderagiri, Taman Indera, 01000 Kangar, Perlis atau Lot 174A, Jalan Shahab 5, Kompleks Shahab Perdana, 05150 Alor Setar, Kedah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Isnin, 27 Mac 2017 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sena. No. Lot—2613. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1458. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1377/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 23 Februari 2017  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2249(5)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 23.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abd Majid bin Abd Razak yang beralamat di 49 Lorong Inderagiri, Taman Indera, 01000 Kangar, Perlis atau Lot 174A, Jalan Shahab 5, Kompleks Shahab Perdana, 05150 Alor Setar, Kedah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Isnin, 27 Mac 2017 jam 10.45 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Beseri. No. Lot—3177. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2440. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1377/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Februari 2017  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2250(7)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 24.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abd Majid bin Abd Razak yang beralamat di 49 Lorong Inderagiri, Taman Indera, 01000 Kangar, Perlis atau Lot 174A, Jalan Shahab 5, Kompleks Shahab Perdana, 05150 Alor Setar, Kedah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Isnin, 27 Mac 2017 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
		G.M.		
Chuping	3246	1755	Semua	1377/2007
Chuping	3247	1756	Semua	1377/2007
Chuping	3248	1656	Semua	1377/2007
Chuping	3555	1824	Semua	1377/2007

(Empat Hakmilik Sahaja)

Bertarikh 24 Februari 2017  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2251(7)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA